

## **BAB F**

**PERATURAN MENGAMBIL PEPERIKSAAN  
SIJIL DARJAH ENAM ( SDEA )  
SIJIL DARJAH KHAS ( SDK )  
SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR**

**LAMPIRAN 1****22. MATA PELAJARAN YANG DITAWARKAN**

| <b><i>Kumpulan Matapelajaran</i></b> | <b><i>Kod/Nama Mata Pelajaran</i></b> | <b><i>Kod Kertas</i></b> | <b><i>Nama Kertas</i></b> | <b><i>Bentuk Ujian</i></b> |
|--------------------------------------|---------------------------------------|--------------------------|---------------------------|----------------------------|
| Teras                                | DE 401: Al-Quran                      | DE 401                   | Al-Quran                  | Lisan                      |
|                                      | DE 402: Tauhid                        | DE 402                   | Tauhid                    | Bertulis                   |
|                                      | DE 403: Ibadat 1                      | DE 403                   | Ibadat 1                  | Bertulis                   |
| Wajib                                | DE 504: Sirah                         | DE 504                   | Sirah                     | Bertulis                   |
|                                      | DE 505: Akhlak                        | DE 505                   | Akhlak                    | Bertulis                   |
|                                      | DE506: Tulisan Jawi                   | DE 506                   | Tulisan Jawi              | Bertulis                   |
|                                      | DE 507: Ibadat 2                      | DE 507                   | Ibadat 2                  | Bertulis                   |
|                                      | DE 508: Pendidikan Al-Quran           | DE 508                   | Pendidikan Al-Quran       | Bertulis                   |
|                                      | DE509: Bahasa Arab                    | DE 509                   | Bahasa Arab               | Bertulis                   |
| Elektif                              | DE609: Bahasa Arab                    | DE609                    | Bahasa Arab               | Bertulis                   |
|                                      | DE610: Bahasa Arab Komunikasi         | DE610                    | Bahasa Arab Komunikasi    | Bertulis                   |

# PERATURAN AM PEPERIKSAAN SIJIL DARJAH KHAS AGAMA NEGERI JOHOR (SDKA)

## 1. Pendahuluan

Peperiksaan ini dikelola oleh Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor (LPAJ), mengikut Kurikulum Baru Sekolah Agama yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor.

## 2. Syarat Menduduki Peperiksaan

- 2.1 Telah mengikut Kurikulum Baru Sekolah Agama peringkat darjah khas yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor selama satu (1) tahun.
- 2.2 Lulus peperiksaan Sijil Darjah Enam Agama (SDEA) dengan pencapaian markah sekurang-kurangnya :
- i) 70% sebelum tahun 1995 *atau*
  - ii) 50% pada/selepas tahun 1995 dan *atau*
  - iii) lulus enam (6) matapelajaran termasuk tiga (3) matapelajaran teras mulai tahun 2005 *atau*
  - iv) kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 2.3 Bagi calon yang tidak memenuhi perenggan 2.2 di atas maka disyaratkan calon tersebut berumur sekurang-kurangnya genap 20 tahun pada tarikh tutup pendaftaran *atau* berpengalaman mengajar di Sekolah Agama Kerajaan Johor selama sekurang-kurangnya genap 2 tahun.

## 3. Pemilihan Mata Pelajaran

- 3.1 Calon yang mengambil SDKA wajib mendaftar dan menduduki semua matapelajaran Teras dan Wajib, sementara bagi matapelajaran Elektif calon hendaklah memilih sekurang-kurangnya dua (2) daripada tiga (3) matapelajaran yang ditawarkan.
- 3.2 *Sila lihat Lampiran 1 untuk senarai mata pelajaran yang ditawarkan.*

## 4. Syarat Pemberian Sijil

Sijil akan diberikan kepada calon yang mendapat sekurang-kurangnya satu (1) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran.

*( Sijil akan dikeluarkan dalam Bahasa Melayu tulisan jawi )*

## 5. Keterangan Pencapaian

5.1 Peringkat bagi tiap-tiap mata pelajaran adalah seperti berikut :

| Sebelum 2004     |           |        | Selepas 2004 |           |        |
|------------------|-----------|--------|--------------|-----------|--------|
| Pangkat          | Takrif    | Markah | Peringkat    | Takrif    | Markah |
| 1<br>2           | Cemerlang |        | A            | Cemerlang | 85-100 |
| 3<br>4<br>5<br>6 | Kepujian  |        | B            | Amat Baik | 70-84  |
| 7<br>8           | Lulus     |        | C            | Baik      | 55-64  |
| 9                | Gagal     |        | D            | Lulus     | 40-54  |

5.2 Pangkat bagi sijil dan syarat-syaratnya adalah seperti berikut:

### 5.2.1 Pangkat Pertama

- (i) Mendapat kepujian sekurang-kurangnya tujuh (7) matapelajaran iaitu:
  - a) Tiga (3) kepujian dalam matapelajaran Teras.
  - b) Tiga (3) kepujian dalam matapelajaran Wajib.
  - c) Satu (1) kepujian dalam matapelajaran Elektif.
- (ii) Mendapat tidak lebih daripada dua puluh empat (24) agregat dikira berdasarkan peringkat matapelajaran yang terbaik pada para 5.2.1 (i) di atas.

### 5.2.2 Pangkat Kedua

- i) Mendapat kepujian sekurang-kurangnya lima (5) matapelajaran iaitu;
  - a) Dua (2) kepujian dalam matapelajaran Teras *dan*
  - b) Dua (2) kepujian dalam matapelajaran Wajib *dan*
  - c) Satu (1) kepujian daripada mana-mana matapelajaran.

- ii) Lulus sekurang-kurangnya dua (2) matapelajaran iaitu;
  - a) Lulus satu (1) matapelajaran Elektif *dan*
  - b) Lulus satu (1) matapelajaran teras bagi calon yang mendapat hanya dua (2) kepujian dalam matapelajaran teras *atau*
  - c) Lulus mana-mana satu (1) matapelajaran lain bagi calon yang mendapat tiga (3) kepujian dalam matapelajaran Teras.
  - d) Mendapat sekurang-kurangnya tiga puluh empat (34) agregat dikira berdasarkan peringkat matapelajaran terbaik pada para 5.2.2 (i) dan (ii) di atas.

### 5.2.3 Pangkat Ketiga

- i) Mendapat kepujian sekurang-kurangnya tiga (3) matapelajaran iaitu;
  - a) Dua (2) kepujian dalam matapelajaran Teras *dan*
  - b) Satu (1) kepujian daripada mana-mana matapelajaran lain.
- ii) Lulus sekurang-kurangnya empat (4) matapelajaran iaitu;
  - a) Lulus satu (1) matapelajaran Elektif *dan*
  - b) Lulus satu (1) matapelajaran Teras dan mana-mana dua (2) matapelajaran lain bagi calon yang mendapat hanya dua (2) kepujian dalam matapelajaran Teras *atau*
  - c) Lulus mana-mana tiga (3) matapelajaran lain bagi calon yang mendapat tiga (3) kepujian dalam matapelajaran Teras.
- iii) Mendapat sekurang-kurangnya empat puluh lima (45) agregat dikira berdasarkan peringkat matapelajaran terbaik pada para 5.2.3 (i) dan (ii) di atas.

### 5.2.4 Sijil Am Agama

Mendapat sekurang-kurangnya satu (1) kepujian dalam mana-mana matapelajaran yang diambil.

## 6. Pendaftaran Peperiksaan

- 6.1 Tarikh Pendaftaran Peperiksaan akan diumumkan melalui Pekeliling Peperiksaan, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor.

- 6.2 Pendaftaran masuk hendaklah dibuat dengan menggunakan borang pendaftaran yang boleh didapati di Ibu pejabat Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor atau Pejabat Pendidikan Agama Daerah.
- 6.3 Borang pendaftaran hendaklah diisi dalam *dua (2) salinan*. Borang asal hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pendidikan Agama Daerah dan salinan ke dua untuk rujukan calon.
- 6.4 Setiap permohonan hendaklah disertakan sekeping salinan Kad Pengenalan/Surat Beranak/Pasport calon dan sekeping salinan sijil SDEA yang telah disahkan.
- 6.5 Setiap sekolah dibekalkan dua keping **disket** yang telah diformat untuk dimasukkan maklumat calon sepertimana di dalam borang pendaftaran. Ia bertujuan bagi melicinkan proses pendaftaran secara berkomputer.
- 6.6 Calon Persendirian hendaklah mendaftar di Pejabat Pendidikan Agama Daerah tempat calon ingin menduduki peperiksaan sebelum tarikh tutup pendaftaran setiap tahun.
- 6.7 Pendaftaran yang lewat dari tarikh tutup akan dikenakan denda sebagaimana yang tertera di dalam borang pendaftaran.
- 6.8 Pendaftaran yang diterima kurang dari enam puluh (60) hari sebelum peperiksaan bermula tidak akan dilayan.

## **7. Bayaran Masuk Peperiksaan**

- 7.1 Kadar Bayaran masuk bagi peperiksaan ini akan diumumkan melalui Pekeliling Peperiksaan, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor.
- 7.2 Bayaran hendaklah dibuat secara Cek Berpalang/Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan**, Jabatan Agama Johor.
- 7.3 Bayaran Peperiksaan yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

## **8. Tarikh Peperiksaan**

- 8.1 Peperiksaan SDKA dijadualkan seperti berikut:  
Ujian Lisan : Bulan Ogos.  
Ujian Bertulis : Bulan Disember.
- 8.2 Jadual waktu peperiksaan yang muktamad akan diedarkan melalui Pegawai Pendidikan Agama Daerah, dua (2) bulan sebelum peperiksaan dilaksanakan.

## **9. Pusat Peperiksaan**

Pusat Peperiksaan akan ditentukan oleh Pegawai Pendidikan Agama Daerah.

## **10. Pengenalan Calon**

- 10.1 Semua calon hendaklah membawa kad pengenalan/MyKad masing-masing sepanjang masa peperiksaan untuk ditunjukkan sebagai pengenalan diri.
- 10.2 Bagi calon bukan warganegara bolehlah menggantikannya dengan Pasport yang sah.
- 10.3 Sekiranya Kad Pengenalan/MyKad calon hilang, calon hendaklah menunjukkan surat laporan polis dan surat akuan pelajar oleh pihak sekolah.

## **11. Alat-alat Peperiksaan**

- 11.1 Calon hendaklah membawa pen, pensil, getah pemadam dan alat tulis yang diperlukan dalam peperiksaan.
- 11.2 Alat-alat elektronik dan telefon bimbit tidak dibenarkan sama sekali dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

## **12. Calon Istimewa**

- 12.1 Calon Istimewa yang memerlukan pertimbangan khas hendaklah memohon kepada Pegawai Pendidikan Agama Daerah dengan menyertakan bersama-sama Laporan Perubatan atau Surat Perakuan Doktor selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas tarikh tutup pendaftaran.
- 12.2 Calon yang menghadapi masalah pendengaran dan pertuturan hendaklah memohon pertimbangan khas daripada Pengarah Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Agama Johor, Jabatan Agama Johor.

## **13. Penyakit Berjangkit**

Calon yang menghidap penyakit berjangkit hanya boleh dibenarkan mengambil peperiksaan di sesuatu pusat peperiksaan dengan syarat calon tersebut diasingkan daripada calon lain dalam bilik khas. Bagi kes yang menimbulkan keraguan, kelulusan Pegawai Perubatan/Doktor adalah diperlukan.

## **14. Kes kecemasan**

Lokasi peperiksaan bagi calon tersebut akan ditentukan oleh Pegawai Pendidikan Agama Daerah

## **15. Salah Laku Dalam Peperiksaan**

- 15.1 Calon dikehendaki mematuhi arahan dan tidak melanggar peraturan semasa peperiksaan sedang dijalankan.

- 15.2 Sebarang perbuatan salah laku seperti memiliki soalan sebelum peperiksaan dijalankan, tidak jujur, melanggar peraturan, mengganggu perjalanan dan ketenteraman peperiksaan di pusat peperiksaan serta melanggar peraturan seperti dalam Jadual Waktu Peperiksaan tahun berkenaan akan menyebabkan calon berkenaan akan dikenakan tindakan tatatertib.
- 15.3 Contoh perbuatan salah laku adalah seperti berikut :
- 15.3.1 Meniru Jawapan
- Menggunakan beberapa bahagian ayat/perkataan jawapan calon lain sebagai jawapannya atau memberi/menyampaikan/mendedahkan jawapannya kepada calon lain.
- 15.3.2 Menyeludup Jawapan
- Membawa masuk buku ramalan/jawapan yang telah tersedia atau catatan/nota/ringkasan/rumusan/lakaran/lukisan ke dalam bilik/dewan peperiksaan semasa peperiksaan sedang dijalankan bagi apa jua tujuan atau masuk ke kawasan larangan/bilik peperiksaan bagi apa jua tujuan sebelum peperiksaan dimulakan.
- 15.3.3 Mendapat Bantuan
- Calon mendapat bantuan daripada orang lain di dalam atau di luar bilik/dewan peperiksaan untuk menjawab soalan bagi pihaknya.
- 15.3.4 Menyamar
- Menggunakan kad pengenalan/MyKad palsu atau kad pengenalan/MyKad yang telah diubah atau menggunakan kad pengenalan sementara yang dipalsukan atau bertukar-tukar angka giliran/kad pengenalan pada kertas jawapan.
- 15.4 Seseorang calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku yang termaktub dalam peraturan peperiksaan boleh dikenakan tindakan seperti berikut :
- i) Gred keputusan bagi mata pelajaran diturunkan; *atau*
  - ii) Keputusan mata pelajaran dibatalkan; *atau*
  - iii) Keseluruhan keputusan dibatalkan; *atau*
  - iv) Keseluruhan keputusan peperiksaan dibatalkan dan digantung antara satu (1) hingga tiga (3) tahun daripada menduduki peperiksaan SDKA Negeri Johor.
- 15.5 Pengarah Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Agama Johor boleh menangguhkan pengumuman keputusan peperiksaan seseorang calon sementara menunggu selesainya penyiasatan tentang salah laku calon yang disabitkan.

## 16. Pembatalan Keputusan

- 16.1 Pengarah Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Agama Johor boleh membatalkan keputusan mata pelajaran atau keputusan peperiksaan calon jika dibuktikan bahawa calon ini telah melakukan salah laku dalam peperiksaan.
- 16.2 Pengarah Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Agama Johor boleh membatalkan keputusan peperiksaan di sesuatu pusat peperiksaan sekiranya berlaku salah laku yang meluas di pusat peperiksaan berkenaan.

## 17. Pengumuman Keputusan

- 17.1 Keputusan peperiksaan akan dikeluarkan melalui Pegawai Pendidikan Agama Daerah. Calon sekolah akan menerima keputusan peperiksaan daripada Guru Besar sekolah masing-masing.
- 17.2 Calon Persendirian akan menerima keputusan melalui pos.

## 18. Pengambilan Sijil

- 18.1 Sijil akan dikeluarkan melalui Pegawai Pendidikan Agama Daerah. Calon dikehendaki mengambil sijil masing-masing dengan seberapa segera atau selewat-lewatnya enam (6) bulan selepas tarikh dikeluarkan.
- 18.2 Pengarah Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Agama Johor/Pegawai Pendidikan Agama Daerah tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan sijil yang tidak dituntut.
- 18.3 Sijil yang tidak dituntut akan **dilupuskan lima (5) tahun** selepas tarikh sijil dikeluarkan.

## 19. Rayuan Semak Semula

- 19.1 Semua rayuan dan permohonan semak semula melalui borang yang boleh didapati dari Ibu pejabat Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor atau Pejabat Pendidikan Agama Daerah. Ia mestilah sampai kepada Pengarah Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Agama Johor dalam **tempoh tiga puluh (30) hari** selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.
- 19.2 Kadar bayaran untuk semak semula akan diumumkan melalui Pekeliling Peperiksaan, Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor dan tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.

## 20. Kehilangan/Kerosakan Sijil Asal/Sijil Yang Telah Lupus

- 20.1 Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Agama Johor tidak akan mengeluarkan sijil yang baru sekiranya sijil asal hilang atau rosak atau tidak

dituntut dalam tempoh yang dinyatakan pada perenggan 18.3 di atas. Calon boleh memohon kepada Pengarah Lembaga Peperiksaan Bahagian Pendidikan Agama Johor untuk mendapatkan salinan keputusan.

20.2 Pemohon hendaklah menyertakan perkara berikut bersama-sama permohonannya:

- (i) Surat sumpah atau laporan polis mengesahkan kehilangan sijil asal sekiranya permohonan dibuat untuk mendapatkan salinan sijil yang hilang. Dalam surat sumpah atau laporan polis, berikan maklumat yang tepat tentang nama pemohon, angka giliran, nombor kad pengenalan (semasa peperiksaan), nama peperiksaan, tahun peperiksaan dan nama pusat (tempat mengambil peperiksaan).
- (ii) Sijil asal yang rosak jika permohonan dibuat bagi menggantikan salinan sijil yang rosak.
- (iii) Bayaran melalui Cek Berpalang/Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos di atas nama **Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor**. Kadar Bayaran untuk tujuan ini tertera dalam borang permohonan yang boleh didapati dari Ibu pejabat Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor atau Pejabat Pendidikan Agama Daerah.

## 21. Terjemahan Keputusan Peperiksaan

Permohonan untuk terjemahan sijil ke dalam Bahasa Inggeris boleh dibuat melalui borang yang boleh didapati dari Ibu pejabat Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor atau Pejabat Pendidikan Agama Daerah. Kadar bayaran berkenaan ditera dalam borang tersebut.

# **PERATURAN PENGURUSAN PROGRAM PENGAJIAN ISLAM Guru-Guru Agama Kerajaan Johor**

## **1. PENDAHULUAN**

Kertas panduan ini merupakan kesinambungan daripada Buku Panduan/ Prospektus PPI, Guru-guru Agama Kerajaan Johor yang telah dikeluarkan pada 1996. Ianya dikeluarkan bertujuan untuk menjelaskan beberapa perkara mengenai dasar dan penglibatan guru dalam PPI.

## **2. OBJEKTIF**

2.1 Menyediakan satu garis panduan pengurusan PPI yang kemaskini dan sistematik.

## **3. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**

### **3.1. Di Peringkat Negeri :**

- 3.1.1. Pengurusan dan Pentadbiran
  - Sektor Pengurusan Sekolah (Unit Peng. Sekolah Agama)
- 3.1.2. Kurikulum
  - Sektor Pengurusan Akademik (Unit Kurikulum Agama)
- 3.1.3. Peperiksaan / Pensijilan
  - Sektor Pengurusan Akademik (Unit Peperiksaan Sek. Agama)

### **3.2. Di Peringkat Daerah :-**

- 3.1.1. Pengurusan dan Pentadbiran
  - Unit Pengurusan Sekolah
- 3.1.2. Kurikulum
  - Unit Kurikulum
- 3.1.3. Peperiksaan / Pensijilan
  - Unit Peperiksaan

#### 4. TENAGA PENGAJAR

- 4.1 Penyelia Pendidikan Agama Daerah.
- 4.2 Guru-guru Agama Kerajaan Johor
- 4.3 Penceramah yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang berkaitan dengannya.

#### 5. SASARAN

- 5.1 Semua guru Agama Kerajaan Johor yang baru dilantik dalam Gred DB 17.
- 5.2 Guru-guru Agama Kerajaan Johor yang ingin mempertingkatkan keilmuan dalam bidang Agama dan Pendidikan.
- 5.3 Guru-guru Agama Kafa yang baru dinaik taraf kepada Guru Agama Sambilan.

#### 6. PENGECUALIAN

- 6.1 Guru-guru yang dilantik sebagai **PEMBANTU KHAS** di Pejabat Pendidikan Agama Daerah atau Negeri.
- 6.2 Guru-guru yang memiliki **DIPLOMA** atau **IJAZAH** dari mana-mana IPT Awam atau Swasta yang diiktiraf.
- 6.3 Guru-guru yang telah di terima masuk atau yang sedang mengikuti pengajian di mana-mana **Maktab Perguruan Malaysia di bawah Tajaan Jabatan Agama Johor.**
- 6.4 Guru-guru yang melanjutkan Pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah dimana-mana IPTA/ IPTS dengan syarat guru tersebut hendaklah terlebih dahulu mendapatkan **KELULUSAN** daripada pihak Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor.

#### 7. PENUTUP

Dengan penjelasan di atas adalah diharapkan pelaksanaan PPI dapat diselaraskan seluruh negeri. Maka **Pekeliling PPAJ 4 / 6 / 20 Jld 2 (3) bertarikh 22 Mac 1999 mengenai Pengecualian Guru-guru SRAB daripada mengikuti PPI adalah DIMANSUHKAN.**

## 22. MATA PELAJARAN YANG DITAWARKAN

| Kumpulan Matapelajaran | Kod/Nama Mata Pelajaran | Kod Kertas | Nama Kertas | Bentuk Ujian |
|------------------------|-------------------------|------------|-------------|--------------|
| Teras                  | DK 101 : Al-Quran       | DK 101     | Al-Quran    | Lisan        |
|                        | DK 102 : Tauhid         | DK 102     | Tauhid      | Bertulis     |
|                        | DK 103 : Ibadat         | DK 103     | Ibadat      | Bertulis     |
| Wajib                  | DK 204 : Tasawuf        | DK 204     | Tasawuf     | Bertulis     |
|                        | DK 205 : Mu'amalat      | DK 205     | Mu'amalat   | Bertulis     |
|                        | DK 206 : Munakahat      | DK 206     | Munakahat   | Bertulis     |
|                        | DK 207 : Jinayat        | DK 207     | Jinayat     | Bertulis     |
|                        | DK 208 : Bahasa Arab    | DK 208     | Bahasa Arab | Bertulis     |
|                        | DK 209 : Faraid         | DK 209     | Faraid      | Bertulis     |
|                        | DK 210 : Hadith         | DK 210     | Hadith      | Bertulis     |
| Elektif                | DK 310 : Tafsir         | DK 310     | Tafsir      | Bertulis     |
|                        | DK 311 : Sejarah        | DK 311     | Sejarah     | Bertulis     |
|                        | DK 312 : Akhlak         | DK 312     | Akhlak      | Bertulis     |